

20/05/2001

Antara politik sukan dan politik wang

Razali Yahya

DALAM kebanyakan kegiatan sukan di luar negara, terutama di Eropah, jarang sekali kita dengar atau mungkin tiada langsung orang politik terbabit secara terus menjawat jawatan penting dalam sukan di negaranya. Sebaliknya, apa yang kita lihat atau kita dengar, hampir keseluruhan jenis sukan di negara berkenaan dimonopoli oleh mereka yang memang tidak berkecimpung langsung dalam bidang politik.

Disebabkan mereka yang menerajui dalam apa jua jenis sukan bukan orang politik, maka mereka tidak menjadikan pembabitan dalam sukan itu sebagai landasan untuk kepentingan peribadi demi agenda politiknya. Atas dasar inilah, mereka bukan sahaja dapat menerajui sukan itu dengan penuh keikhlasan tetapi dapat memastikan sukan itu mendapat kejayaan yang cukup membanggakan. Sebab itulah, kita cukup kagum dengan pencapaian cemerlang sukan mereka dalam apa juga kejohanan, malah kerap dinobatkan sebagai jaguh dunia yang sukar ditandingi.

Senario ini bagaimanapun tidak berlaku di negara kita, Malaysia yang tercinta. Boleh dikatakan sebilangan besar orang politik akan diheret sama untuk membabitkan diri dalam persatuan sukan baik di peringkat negeri mahupun di peringkat kebangsaan. Boleh dikatakan, sebilangan besar daripada mereka akan diberi peluang menduduki jawatan penting dalam persatuan berkenaan, manakala mereka yang berwibawa dan bukan orang politik tetapi mempunyai minat mendalam terhadap sukan berkenaan, sekadar berkesempatan dipilih menduduki barisan jawatankuasa. Dalam hal ini, kita sama sekali bukan mahu memperkecilkan wibawa orang politik dalam sukan, tetapi tidak keterlaluan kalau kita katakan sebilangan besar mereka mempunyai agenda tersendiri demi menjaga kerjaya politik masing-masing.

Boleh dikatakan tindak-tanduk mereka lebih menjurus kepada populariti sebagai orang politik dan amat sedikit sekali menggunakan kedudukan sebagai peneraju sesebuah persatuan sukan untuk membawa persatuan itu mengecap kejayaan demi kejayaan dalam pertandingan yang disertai. Kita sama sekali tidak menuduh semua orang politik bersikap demikian tetapi kebanyakan penyertaan mereka dalam sukan mempunyai agenda tertentu iaitu bagaimana sukan boleh memberi advantage atau peluang mengaut keuntungan dalam beberapa projek sukan. Sebab itulah, di peringkat kebangsaan, peluang ke arah keuntungan memang terbuka luas. Kelebihan sebagai orang politik dan diperkuatkan lagi mempunyai jawatan penting dalam kerajaan, kesempatan ini akan memudahkan mereka memonopoli kegiatan tertentu yang boleh mendatangkan keuntungan di segi kewangan.

Siapa kata bidang sukan tidak berpeluang untuk mengaut sebanyak mungkin kekayaan? Sebenarnya, terlalu banyak boleh dilakukan, sekali gus berpeluang membolot kekayaan menerusi pelbagai projek besar dalam sukan. Dalam hal ini, siapa boleh menafikannya, hatta Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin Hussein sendiri pasti tidak menolak hujah ini. Misalnya, dalam menyediakan kemudahan prasarana sukan terutama ketika menjadi tuan rumah Sukan Komanwel, Sukan Sea dan lain-lain sukan berprestij, terlalu banyak tender pembinaan kemudahan asas sukan yang membabitkan puluhan juta ringgit dikeluarkan. Dalam hal ini, boleh kita katakan siapa berpeluang atau berkesempatan untuk meraih tender berkenaan? Kita tidak mahu membuat tuduhan melulu atau membabi buta, siapa yang akan memenangi tender berkenaan. Ini kerana rakyat Malaysia kini sudah semakin celik dek kemajuan pesat pendidikan dan mereka sudah boleh menilai atau membuat pelbagai kesimpulan dalam perkara ini.

Justeru itu, kita mahu tanya apa sebenarnya motif pembabitan orang politik dalam sukan? Kalau pembabitan itu diterjemahkan kepada menjaga kepentingan kerjaya politiknya, adalah lebih baik mereka tidak diberi peluang dan ruang menerajui atau memegang jawatan penting. Ini kerana kehadiran mereka itu sebenarnya tidak banyak mendatangkan faedah atau keuntungan kepada persatuan sukan itu tetapi lebih memberi masalah yang merugikan. Sebab itulah, orang politik perlu telus dan ikhlas sekiranya mahu membabitkan diri dalam persatuan sukan. Tepuk dada tanya selera. Apakah mereka benar-benar bersedia menyumbang khidmat terhadap kemajuan sukan atau berkira-kira mencari populariti atau mengintai peluang kekayaan. Kalau kehadiran mereka itu lebih condong ke arah negatif, ada baiknya pemimpin berkenaan tidak diberi tempat bagi menyelamatkan persatuan sukan itu musnah dan dipandang hina.

Begitu juga mengenai politik wang. Apabila seseorang itu diangkat atau dipilih sebagai pemimpin atas dasar 'permainan wang' atau dalam terjemahan politik sebagai politik wang, ia sebenarnya memang membawa kesan yang tidak baik terhadap sesebuah parti politik, baik di negara ini mahupun negara luar. Ini kerana mereka yang memiliki wang akan menggunakan kedudukan ini untuk membeli undi dan seterusnya membolehkan seseorang itu dipilih memenangi jawatan penting dalam sebarang pemilihan parti. Ini bukan omong kosong. Sebab itulah, kita memang sokong sepenuhnya hasrat Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam usaha beliau membanteras politik wang terutama dalam sebarang pemilihan yang membabitkan Umno.

Politik wang dalam pemilihan Umno dilaporkan cukup berleluasa dan sukar dibendung. Mereka yang rakus merebut jawatan penting dalam parti seolah-olah tidak berasa takut dan gusar dengan amaran Dr Mahathir bahawa mereka yang terbabit akan dikenakan tindakan sewajar. Apa yang kita lihat, lagi kerap amaran dikeluarkan, ahli-ahli Umno semacam tidak ambil peduli. Bagi mereka sekalipun memang diakui tidak mempunyai ciri-ciri kepemimpinan, tetapi kerana memiliki duit yang banyak, mereka telah mengamal 'politik wang' untuk memenangi jawatan penting dalam parti. Ini ada kebenarannya sebagaimana berlaku dalam pemilihan di peringkat bahagian Umno yang berakhir bulan lalu.

Kita difahamkan ada pemimpin barisan muda yang memang diakui mengamal 'politik wang' dan baru sebulan memenangi jawatan penting telah bertindak agak memeranjatkan. Cukup menyedihkan, tidak sampai dua bulan menjadi ketua, dia dan 'balacinya' sudah merancang untuk jawatan lebih penting di peringkat bahagian akan datang sedangkan pemilihan itu hanya akan berlangsung pada tahun 2003. Memang cukup malang memiliki pemimpin seumpama ini, lebih-lebih lagi kenaikannya atas dasar 'politik wang'. Dia sepatutnya tidak memikirkan pemilihan 2003 tetapi merancang bagaimana untuk memajukan bangsa, agama dan negara serta menggerakkan barisan muda bagi memulihkan imej Umno selepas pilihan raya lalu. Itulah jahatnya politik wang yang boleh membawa kehancuran maruah bangsa, agama dan negara.

Ini belum lagi cerita pasal tender yang ditawarkan untuk tabung barisan muda tetapi ciri-ciri mahu menyeleweng sudah semacam mahu berlaku. Terbaharu, soal siapa layak menandatangani cek persatuan. Lazimnya cek sesebuah persatuan harus ditandatangani ketua, bendahari dan setiausaha. Dalam hal ini, bendahari penting mengenai soal keluar masuk wang persatuan, tetapi dilaporkan ketua berkenaan cuba menyingkirkan tanda tangan bendahari sebaliknya diganti terus dengan penolong setiausaha. Ini bermakna sebarang urusan keluar-masuk wang tidak perlu lagi tanda tangan bendahari. Apa semuanya ini? Inilah kalau pemimpin yang disokong dan didokong tidak berilmu serta diangkat atas dasar 'politik wang', maka ia akan berusaha menghalalkan yang haram.

Ini sama juga dengan penyangak mata wang antarabangsa, George Soros.

Tidak salah Dr Mahathir menyifatkannya sebagai penyangak paling keji. Kalau sudah namanya pun penyangak, maka kerja diapun memang lebih teruk daripada lanun. Jadi, kalau penyangak itu dibiarkan terus bermaharajalela, maka sudah barang tentu, ianya bukan sahaja akan memberi gambaran buruk kepada parti tetapi akan memusnahkan parti itu akan datang. Lebih teruk lagi, bila pemimpin yang naik atas dasar `politik wang', ia pasti menjadi isu pelaris yang akan digunakan pembangkang untuk menghentam parti kerajaan. Bila ini berlaku, maka parahlah kita.

Dalam sukan juga ada permainan wang dalam pelbagai cara. Contohnya `jual game' dalam permainan bola sepak. Bila pemain sudah terlibat dengan kuasa wang, bukan sahaja pasukan itu akan kalah tetapi imej bola sepak sesebuah pasukan di mata negara luar akan menjadi buruk dan memalukan. Kita berharap ahli-ahli sukan negara tidak terlibat dengan kuasa wang yang boleh menjahanamkan sukan berkenaan dan imej negara. Jika ini menjadi amalan, maka mala petaka akan menimpa sukan Malaysia.

(END)